

31/01/1998

Iraq, Amerika lebih baik berunding

Jamhariah Jaafar; R Magendran

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia mahu Amerika Syarikat dan Iraq menyelesaikan krisis yang dihadapi kedua-dua negara itu melalui rundingan dan bukan tindakan ketenteraan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata cara terbaik untuk menyelesaikan krisis yang berpunca daripada keengganan Baghdad membenarkan pemeriksaan senjata berbahaya di negara itu, ialah melalui rundingan.

"Saya harap perkara ini diselesaikan dan saya mengalu-alukan langkah yang diambil Russia untuk membawa semula Amerika dan Iraq ke meja rundingan," katanya kepada wartawan di majlis rumah terbuka Aidilfitri di Sri Perdana, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai ketegangan antara kedua-dua negara dengan Washington memberi amaran akan mengenakan tindakan ketenteraan terhadap Iraq jika Baghdad tidak membenarkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) membuat pemeriksaan senjata berbahaya.

Beberapa pemimpin dunia lain termasuk dari Perancis serta Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan, juga mahu krisis itu diselesaikan secara diplomasi.

Russia menghantar Timbalan Menteri Luarnya, Viktor Posuvalyuk ke Iraq baru-baru ini untuk menyampaikan surat daripada Presiden Boris Yeltsin kepada Presiden Saddam Hussein.

Dr Mahathir berkata, jika Amerika meneruskan rancangannya untuk mengenakan tindakan ketenteraan terhadap Iraq, maka ramai orang yang tidak berdosa akan terkorban.

"Kalau dibom Iraq, tak dapat tidak orang yang tidak berdosa akan terbunuh. Tidak ada kemungkinan walau macam mana 'accurate' (tepat), sekali pun sasaran bom itu, orang lain tidak kena.

"Mereka tidak boleh lepas bom kena tepat kepada sasaran, biasanya orang lain menjadi mangsa," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas amaran Washington kepada Baghdad bahawa pesawat pejuang Amerika akan mengebom kawasan-kawasan di Iraq yang disyaki menyimpan senjata berbahaya.

Kelmarin, Presiden Amerika, Bill Clinton, meningkatkan tekanan terhadap Iraq supaya membuka tapak senjatanya, dengan memberi amaran kepada Presiden Saddam Hussein supaya 'jangan membantah kehendak dunia'.

Beliau juga mengarahkan Setiausaha Negaranya, Madeleine Albright supaya mengadakan perbincangan dengan sekutunya, Eropah dan Teluk untuk mendapatkan sokongan bagi melancarkan serangan terhadap Iraq.

Albright pula dilaporkan berkata, Washington bersiap sedia untuk melancarkan tindakan ketenteraan secara bersendirian tanpa sokongan masyarakat antarabangsa bagi memastikan berakhirnya program senjata biologi, kimia dan nuklear di Iraq.

Albright yang berada di Paris, dipetik sebagai berkata bahawa usaha-usaha untuk menyelesaikan krisis itu secara diplomatik 'semuanya mencapai jalan buntu' dan sudah tiba masanya untuk mengambil keputusan dasar terhadap Iraq.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada Amerika mengenakan tekanan terhadap PBB untuk bertindak terhadap Iraq.

"Kenyataan Albright berkata bahawa walaupun tidak ada sokongan mereka akan mengambil tindakan secara unilateral dan ini tidaklah mengikut semangat tindakan bersama oleh negara-negara," katanya.

(END)